

05 NOV 2002

Samsudin-Belajar (Bergambar)

KSN MAHU PEGAWAI KERAJAAN TAMBAH ILMU

KUALA LUMPUR, 5 Nov (Bernama) -- Selaras dengan cabaran globalisasi dan perkembangan bidang sains dan teknologi, para pegawai perkhidmatan awam perlu mempersiapkan diri mereka dengan menambah ilmu pengetahuan, kata Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman.

"Dalam merealisasikan dan melahirkan penjawat awam yang profesional, menambah pengetahuan dan meningkatkan kemahiran merupakan elemen penting yang harus diberi perhatian," katanya ketika melancarkan buku "Perkhidmatan Awam - Satu Cabaran" dan merasmikan siri syarahan perkhidmatan awam di Auditorium Memorial Tunku Abdul Rahman di sini hari ini.

Buku "Perkhidmatan Awam - Satu Cabaran" adalah garapan siri ucapan terpilih keempat-empat Perdana Menteri Malaysia mengenai Perkhidmatan Awam dari tahun 1957 hingga 1998.

Penerbitan buku berkenaan bertujuan mengabadikan segala perjuangan, aspirasi dan wawasan setiap Perdana Menteri -- Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj, Tun Abdul Razak Hussein, Tun Hussein Onn dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad -- dalam usaha mereka membina dan membangunkan negara melalui perkhidmatan awam.

Mengenai buku yang dihasilkan oleh Arkib Negara Malaysia itu, Samsudin berkata ia secara langsung memberikan beberapa pendekatan strategik yang dapat dijadikan panduan dan bimbingan dalam melahirkan pegawai perkhidmatan awam yang berjaya.

"Ucapan-ucapan Perdana Menteri Malaysia yang dipetik dalam buku ini banyak memberi penekanan mengenai nilai murni khususnya tentang bidang tugas penjawat awam dalam menjalankan tugas dan boleh dijadikan sumber rujukan dalam menghadapi cabaran-cabaran yang mendatang," katanya.

Dalam syarahan perkhidmatan awam kemudian, bekas Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali berkata usaha untuk belajar dan menambah pengetahuan tidak terhenti pada satu peringkat sahaja, sebaliknya ia suatu proses yang berterusan walaupun seseorang itu berada di tahap jawatan tertinggi.

Abdul Halim, yang kini Pengerusi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, berkata pertukaran dari satu kementerian ke kementerian yang lain seharusnya tidak dilihat sebagai satu bebanan sebaliknya pegawai perkhidmatan awam yang ditukarkan harus menyediakan diri untuk mempelajari sesuatu yang baru.

Program syarahan itu adalah siri ketiga yang menjemput bekas-bekas Ketua Setiausaha Negara untuk menyampaikan syarahan mengenai pandangan dan pengalaman mereka mengenai perkhidmatan awam.

Syarahan-syarahan yang disampaikan itu akan didokumenkan oleh Arkib Negara Malaysia supaya dapat mewujudkan satu kumpulan sumber rujukan tambahan mengenai perkhidmatan awam.

-- BERNAMA

FA MFJ MAI